

UMS tuan rumah Pentauliahahan Diraja Palapes pada 6 Julai

UB 22-6-13 AF

KOTA KINABALU: Pentauliahahan Diraja Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-32 tahun ini akan diadakan pada 6 Julai 2013 bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Membawa tema 'Peneraju Bangsa Negara Berdaulat', Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Kelantan Darulnaim berkenan untuk mencemar

duli menyempurnakan majlis itu.

Pentauliahahan yang diadakan dengan penuh istiadat ketenteraan itu bakal menyaksikan seramai 1344 pegawai kadet Palapes dari IPTA seluruh negara yang menerima watak pentauliahahan di Dewan Kuliah Pusat UMS, iaitu seramai 656 orang kadet lelaki dan 586 orang kadet wanita.

Naib Canselor Universiti Eko Kampus itu, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah

berkata, beliau berasa bangga atas penghormatan yang diberikan kepada UMS sebagai tuan rumah untuk pentauliahahan pada tahun ini yang buat julung kalinya diadakan di kepulauan Borneo.

"Palapes diwujudkan untuk mendukung matlamat bagi mengeluarkan bakal pemimpin untuk angkatan sukarelawan di samping menyumbang kepada negara dalam membekalkan pemimpin-pemimpin yang berilmu tinggi serta peka

kepada keperluan negara.

"Sejak pentauliahahan pada tahun 1980, seramai 21,446 orang pegawai kadet Palapes telah ditauliahkan. Kini Palapes sedang bergiat aktif mendapatkan lebih ramai pegawai kadet untuk memenuhi kuota 150 siswa bagi setiap universiti pada setiap tahun," katanya.

Selain penyerahan watak pentauliahahan, Sultan Kelantan turut menyampaikan pengurniaan anugerah Kadet Terbaik serta Titah Ucapan Diraja